

PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 4
BIDANG ADAB (GURUKU SAYANG)

Buku teks Pendidikan Islam Tahun 4 KSSR Semakan ms 180.

ARAHAN 1 : Tuliskan pengertian guru.

Guru ialah _____
_____.

ARAHAN 2 : Susun hadis Rasulullah SAW berkaitan adab dengan guru.

كَبِيرَنَا	لَيْسَ مِنَّا	لِعَالِمِنَا	وَيَرْحَمُ
وَيَعْرِفُ	جُلُءُ	صَغِيرَنَا	مَنْ لَمْ

Jawapan :

ARAHAN 3 : Tulis jawapan yang betul.

mengingati	Zaid Bin Thabit	berbual	penyayang
keberkatan	cerdik pandai	penyabar	sopan

1. Para sahabat tidak _____ apabila Rasulullah hadir kerana mereka sangat menghormati Rasulullah dalam menuntut ilmu.
2. Kita mestilah sentiasa bersedia membantu guru seperti yang pernah dilakukan oleh Ibnu Abbas yang memegang dan menuntun tali tunggangan gurunya _____ sebagai tanda penghormatan.
3. Kita hendaklah menjadi seorang murid yang _____ terhadap guru seperti Ibnu Abbas yang sanggup menunggu dihadapan rumah gurunya yang sedang tidur kerana semangat hendak menuntut ilmu.
4. Sebagai seorang murid yang berakhlak baik, kita mestilah bersikap _____ terhadap guru seperti kisah Imam Shafie yang menyelak halaman buku dengan perlahan kerana tidak mahu mengganggu gurunya yang sedang mengajar.
5. Orang yang beradab dengan guru akan mendapat pahala dan _____ ilmu.
6. Antara kepentingan beradab dengan guru kepada masyarakat ialah dapat melahirkan masyarakat yang berilmu dan _____.
7. Murid-murid yang beradab dengan guru akan melahirkan ramai _____ untuk membangunkan negara.
8. Kita mestilah menjaga adab dengan guru agar mudah _____ pelajaran.